



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
MALAYSIA**



SURAT PEKELILING JPS BIL 3/2005

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (WPS)**

1.0 Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan berhubung dengan prosedur perbelanjaan Wang Peruntukan Sementara (WPS).

2.0 Latarbelakang

- 2.1 Pada masa ini tiada garis panduan yang seragam berhubung dengan prosedur bagi perbelanjaan WPS. Prosedur yang diamalkan sekarang ini adalah tidak konsisten dan mengambil masa yang lama kerana rundingan kadar harga sukar mencapai satu harga yang munasabah dan berpatutan untuk dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Selain itu, perbelanjaan sebenar bagi kerja WPS ini seringkali jauh melebihi jumlah peruntukan asal yang telah ditetapkan dalam Dokumen Kontrak. Sekiranya keadaan ini dibiarkan berlarutan ianya akan menjejaskan kemajuan pelaksanaan projek dan juga pengawalan perbelanjaan peruntukan.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, bagi menjamin perolehan yang paling menguntungkan Kerajaan serta memenuhi akauntabiliti awam, adalah wajar satu Garis Panduan yang seragam berhubung dengan prosedur pengurusan Wang Peruntukan Sementara diadakan.

3.0 Tatacara Pengurusan

Tatacara pengurusan Wang Peruntukan Sementara adalah seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Pengurusan Wang Peruntukan Sementara yang disertakan.

4.0 Penguatkuasaan

Garis Panduan Pengurusan Wang Peruntukan Sementara ini berkuatkuasa dengan serta merta dan terpakai bagi semua projek di bawah pembiayaan Persekutuan. Projek-projek di bawah pembiayaan Negeri juga boleh menggunakan prosedur tersebut dengan membuat penyesuaian yang sewajarnya di peringkat JPS Negeri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK IR. HJ. KEIZRUL BIN ABDULLAH)

Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

21 hb. September 2005

s.k: - Timbalan Ketua Pengarah I
- Timbalan Ketua Pengarah II

Bil. Fail : (46) dlm PPS. 10/4/2/ BUB Jld 4